

19 OCT 2002

Mahathir-Saudi (Bergambar)/I

DR MAHATHIR MULAKAN LAWATAN RASMI TIGA HARI KE ARAB SAUDI

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Arab Saudi.

Jadual lawatan Dr Mahathir itu bermula dengan mengunjungi pasangan kembar siam Malaysia yang dipisahkan oleh pakar bedah Arab Saudi di King Fahd National Guard Hospital di Bandaraya Perubatan King Abdul Aziz, kira-kira 40 minit perjalanan dari sini.

Pasangan kembar siam itu bebas daripada ikatan fizikal selama empat tahun pada 17 Sept lepas dalam pembedahan yang berlangsung selama 23 jam dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.69 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh Putera Mahkota Arab Saudi Putera Abdullah.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira sejam bersama pasangan kembar itu setibanya beliau dari melakukan kunjungan rasmi sehari di Islamabad, Pakistan.

Pasangan kembar Ahmad dan Muhammad Rosli, kini menjalani fisio-terapi bagi menyesuaikan diri dengan keadaan tubuh mereka yang baru dalam sebuah bilik khas di Unit Intensif Pediatrik (PICU) hospital berkenaan.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijadual menyampaikan ucapan pada seminar mengenai "Visi Masa Depan bagi Ekonomi Arab Saudi" pada sebelah tengahari.

Beliau juga dijadual mengadakan dialog dengan tokoh-tokoh korporat Arab Saudi dan mengadap Raja Fahd bin Abdul Aziz Al-Saud.

Dr Mahathir akan mengakhiri lawatannya itu dengan mengerjakan Umrah di Mekah esok.

-- BERNAMA

ZS LES MFJ ROS